

# Sejarah Awal Penulisan Dan Pelaksanaan Hukum Islam Di Nusantara

Abd. Jalil bin Hj. Borhan\*

Hukum Islam di Nusantara secara umumnya mengertikan fiqh mazhab Syafie. Ini disebabkan mazhab inilah yang paling luas penyebarannya di rantau tersebut.

Nama Mazhab Syafie dibentuk sempena nama Imam Syafie (767 - 820M)<sup>1</sup> yang menjadi pengasasnya. Pengaruhnya sebagai ulama' besar yang mempunyai ramai pengikut bermula selepas beliau berpindah dari Iraq dan menetap di Mesir pada tahun 814 Masihi. Hasil daripada ketokohnya, Kaherah, Baghdad dan Mekah telah menjadi pusat perkembangan fatwanya.

Di kurun-kurun terakhir sebelum kelahiran Kerajaan Othmaniah yang bermazhab Hanafi pada abad ke-16M, Mazhab Syafie merupakan yang luas sebarannya. Kelahiran Kerajaan Othmaniah sebagai jaguh aliran Sunni dan Kerajaan Safawi di Parsi sebagai jaguh aliran Syiah pada abad ke-16M, tidak menjejaskan keutuhan mazhab Syafie yang telah pun bertapak kuat sebelum itu. Mazhab Syafie menjadi mazhab ikutan yang utama di Mesir, Syria, Hijaz, Arab Selatan, kawasan-kawasan sekitar Teluk Parsi, Afrika Timur, Nusantara dan bahagian Asia Tengah.<sup>2</sup>

Di zaman Kerajaan Islam Pasai telah terdapat pelaksanaan hukum-hukum fiqh Islam. Bagaimanapun catatan Marco Polo yang menyebut tentang hal tersebut hanya

---

\*Sarjana Syariah Fakulti Syariah Universiti Malaya di dalam bidang Sejarah Perundangan Islam.

menegaskan bahawa penduduk Pasai mengikut “Undang-undang Muhammad” (*Muhammadan Law*), tanpa menyebut lebih lanjut tentang mazhab yang mereka anuti.<sup>3</sup> Namun Ibnu Batutah kemudiannya menjelaskan kedudukan tersebut dengan mengatakan bahawa penduduk di kawasan itu bermazhab Syafie.<sup>4</sup> Kenyataan ini merupakan bukti pertama yang menjelaskan bahawa mazhab Syafie menjadi pegangan orang-orang Islam di rantau ini.

Berhubung dengan penyebaran ilmu fiqh, Ibnu Batutah menjelaskan bahawa Sultan sering dikelilingi oleh para “fuqaha” atau ulama’ fiqh.<sup>5</sup> Mengikut Hikayat Raja-raja Pasai pula, dua orang ulama’ fiqh dari Parsi dijemput ke Pasai untuk dijadikan Mufti dan Qadhi, iaitu jawatan penasihat kepada Sultan.<sup>6</sup> Kemungkinan besar keduanya adalah dua orang ulama’ Parsi yang disebut oleh Ibnu Batutah dalam lawatannya semasa pemerintahan Sultan Malik al-Zahir. Di samping itu Ibnu Batutah juga mengatakan bahawa Sultan sangat gemar berbincang tentang ilmu fiqh.<sup>7</sup>

Pada zaman Kerajaan Islam Melaka perkembangan yang sama juga terus berlaku. Sultan sering didatangi oleh ulama’-ulama’ fiqh dari luar, yang kemudian menjadi guru kepada baginda dan rakyat Melaka.<sup>8</sup> Di istana Sultan terdapat sesetengah pembesar yang tahu sedikit sebanyak tentang ilmu fiqh. Dengan desakan ulama’-ulama’ fiqh, Sultan Muzaffar Shah (1446-1457) telah cuba melaksanakan hukum Islam dengan menggubal undang-undang yang dikenali sebagai *Risalah Hukum Kanun* atau *Undang-undang Melaka*.<sup>9</sup> Pengaruh undang-undang tersebut begitu meluas di Kepulauan Melayu hingga melahirkan *Undang-Undang Johor*, *Undang-undang Kedah*, *Undang-Undang Pahang*, *Undang-undang Sembilan Puluh Sembilan Perak*, *Undang-Undang Sungai Ujong* dan *Undang-Undang Kanun Brunei*.<sup>10</sup> Di Melaka juga telah tersebar luas kitab *Talkis al-Minhaj* karangan Imam Nawawi.

Pada zaman Kerajaan Islam Aceh perkembangan ilmu fiqh lebih pesat dan hebat lagi. Ini kerana pada zaman itulah bermulanya kemunculan karya-karya fiqh para ulama’ tempatan. Syeikh Nuruddin ar-Raniri merupakan perintis utama dalam bidang itu.<sup>11</sup> Beliau telah menghasilkan satu karya yang penting, iaitu *Siratul- Mustaqim*. Di samping itu ada sebuah kitab lagi ditulis oleh Abdul-Rauf Singkel<sup>12</sup> yang bernama *Mir’at al-Tullab*. Di Aceh, usaha melaksanakan hukum-hukum Islam diperhebatkan lagi pada zaman pemerintahan Sultan Iskandar Muda dengan usaha melantik seorang Qadhi bertaraf pembesar istana. Qadhi yang dilantik itu bertindak sebagai Pengerusi kepada Majlis Penasihat Undang-undang Sultan yang terdiri daripada pembesar-pembesar istana, ketua-ketua wilayah dan para ulama’ fiqh.

Selepas zaman Aceh pada abad ke-17 Masihi, ramai ulama’-ulama’ tempatan yang giat menulis dan menterjemah dalam bidang ilmu fiqh. Pada abad ke-18 Masihi, lahir seorang tokoh fiqh yang terkenal di Nusantara, iaitu Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari (meninggal dunia tahun 1808 Masihi) yang berjaya menghasilkan karya ulungnya *Sabilul-Muhtadin Lit-Tafaqquh Fid-Din*. Di samping itu terdapat juga seorang tokoh Sufi yang giat menulis dalam bidang fiqh, iaitu Syeikh Abdus-Samad al-Palembani.<sup>13</sup> Beliau adalah sahabat karib Syeikh Muhammad Arsyad semasa mereka sama-sama menuntut ilmu di Makkah.

Pada abad ke-19 Masihi pula muncul seorang jaguh ulung dalam bidang fiqh dan

penulis yang giat dan produktif sekali, iaitu Syeikh Daud bin Abdullah bin Idris al-Pattani.<sup>14</sup> Beliau ialah salah seorang ulama' fiqh Syafie yang berpengaruh besar kerana kitabnya *Minhajul-'Abidin*. Beliau juga telah menghasilkan dua karya fiqh yang penting dalam perkembangan fiqh di rantau ini, iaitu kitab *Furu'ul-Masail* dan *Bughyat ut-Tullah*. Seorang lagi jaguh pada abad tersebut ialah Syeikh Muhammad Nawawi al-Bantani. Beliau ada membuat dua ulasan tentang kitab *Manasik* oleh asy-Syarbini al-Khatib. Antara karya-karya fiqh di atas, yang paling berpengaruh dan luas sekali sebarannya ialah kitab-kitab *Siratul-Mustaqim*, *Sabilul-Muhtadin* dan *Furu'ul-Masail*. Ketiga-tiga karya agung ini ditulis dalam bahasa Melayu dan sangat terkenal di kalangan umat Islam di Nusantara. *Siratul-Mustaqim* menghuraikan soal ibadat sahaja. Ia ditulis berdasarkan kitab-kitab fiqh mazhab Syafie yang besar dan agung seperti *Minhaj at-Talibin* oleh an-Nawawi, *Tuhfatul-Muhtaj* oleh Ibn Hajar dan *Nihayatul-Muhtaj* oleh ar-Ramli. *Sabilul-Muhtadin* ditulis oleh Syeikh Muhammad Arsyad semasa beliau menjadi Mufti Banjarmasin. Ia berdasarkan kitab *Siratul-Mustaqim* oleh Syeikh Nuruddin ar-Raniri. Usaha penulisan tersebut dilakukan sebagai menyahut titah perintah Sultan Tamjid Billah. Sementara *Furu'ul Masail* pula ialah sebuah buku yang tebal meliputi perbincangan rukun Islam yang lima, nazar, korban, cara penyembelihan, cara pengadilan dan pentadbiran.

Antara ketiga-ketiga kitab tersebut, *Siratul-Mustaqim* dan *Sabilul-Muhtadin*lah yang memberikan sumbangan yang sangat besar dalam penulisan ilmu fiqh. Ini kerana kedua-duanya sering dijadikan panduan oleh ulama'-ulama' mazhab Syafie di Nusantara dalam usaha penulisan fiqh berbahasa Melayu dengan lebih lanjut lagi.

Menjelang abad ke-10 Masihi, para ulama' mazhab Syafie telah menyusun kitab-kitab perundangan Islam yang sistematik. Usaha-usaha tersebut telah mendorong timbulnya karya-karya dalam bentuk ulasan (syarah) dan penghuraian lanjut oleh penulis-penulis tertentu. Sebagai hasilnya, pada abad ke-16 Masihi, kitab *Nihayatul-Muhtaj* oleh ar-Ramli dan *Tuhfatul-Muhtaj* oleh Ibn Hajar al-Haithami telah muncul sebagai kitab-kitab yang paling berpengaruh di kalangan pengikut mazhab Syafie di seluruh dunia Islam. Kedua-duanya merupakan syarah kepada kitab *Minhajur-Talibin* karangan an-Nawawi. Ketiga-tiga kitab ini telah menjadi sumber perundangan Islam mazhab Syafie yang paling berwibawa di Nusantara.

Di samping kitab-kitab tersebut terdapat juga kitab-kitab lain yang luas sebarannya di rantau ini, seperti *Mughnil-Muhtaj* oleh asy-Syarbini al-Khatib, *Fathul-Wahhab* oleh Zakaria al-Ansari dan *Fathul-Mu'in* oleh Zainuddin al-Malibari. Kitab-kitab inilah pada asasnya yang menjadi sumber kepada penulisan kitab fiqh Melayu.

Proses Islamisasi yang berlaku serentak dengan gerakan menerapkan lunas-lunas fiqh Islam telah mendorong ke arah kelahiran satu corak kesusasteraan Islam di Nusantara yang menekankan soal perundangan Islam. Pengajaran ilmu fiqh yang berpandukan kitab-kitab fiqh yang berpengantarkan bahasa Arab telah diambil alih peranannya oleh kitab-kitab bahasa Melayu (Kitab Jawi). Kegiatan penterjemahan kitab-kitab Arab dari zaman Kesultanan Islam Pasai dan Melaka bertambah pesat pada zaman kegemilangan Kesultanan Islam Aceh. Selepas kejatuhan Kerajaan Aceh, usaha yang besar maknanya terhadap pertumbuhan kesusasteraan Islam dan

perkembangan bahasa Melayu telah disambung tradisinya oleh pusat-pusat pemikiran Islam yang lain, seperti di Banjarmasin, Palembang, Riau, Pattani dan Kelantan.

Sesungguhnya pertumbuhan ilmu fiqh telah menjadi salah satu tenaga penggerak utama dalam menggalakkan kemunculan hasil-hasil kesusasteraan Islam yang lebih meluas. Secara tidak langsung juga penulisan tersebut yang ditulis dalam bahasa Melayu merupakan sumbangan besar ke arah mendaulatkan bahasa Melayu sebagai "*Lingua-Franca*" dalam penyuburan kesusasteraan Islam khususnya dan kesusasteraan Melayu umumnya di Nusantara.

Nilai-nilai perundangan Islam ini telah menyerap masuk dalam kehidupan masyarakat Melayu sejak Islam mula berkembang secara besar-besaran di rantau tersebut pada abad ke-13M. Penyerapan ini kemudiannya diperkukuhkan oleh penerimaan istilah-istilah perundangan Islam dan institusi-institusinya ke dalam hukum adat Melayu, iaitu *undang-undang adat temenggung* dan *undang-undang adat perpatih*.<sup>15</sup> Pada mulanya ia hanya digunakan semata-mata bagi soal-soal keagamaan, tetapi kemudiannya menyerap masuk ke dalam hukum adat Melayu, yang meliputi hal-hal jenayah, perkahwinan dan perceraian, pembahagian harta dan perwarisan. Proses penyerapan ini berlaku menerusi ubah suai hukum adat Melayu dengan undang-undang Islam. Namun demikian terdapat juga adat-adat Melayu yang belum diubah suai dan tidak diterima oleh undang-undang Islam. Adat-adat ini berkuatkuasanya sebagai adat semata-mata.

Proses penyerapan undang-undang Islam dalam masyarakat Melayu berjalan lancar kerana adanya dua jawatan perundangan yang penting, iaitu Qadhi dan Mufti. Qadhi adalah seorang hakim yang melaksanakan perundangan Islam, sementara Mufti pula merupakan seorang pakar yang mengeluarkan fatwa dalam masalah yang berhubung dengan perundangan Islam. Mereka berdua inilah yang menjadi tenaga pendorong yang kuat bagi pelaksanaan undang-undang Islam dan usaha-usaha menghadapi cabaran kewibawaan hukum adat Melayu. Raja-raja Melayu yang dinamakan sebagai sultan dan dianggap bertaraf khalifah dalam konsep pemikiran politik Islam aliran Sunni, lebih merupakan pemerintah yang berkuasa dalam soal duniawi dan bukan sebagai pelindung undang-undang Islam yang sebenarnya.

Semasa kuasa penjajah British mula bertapak ke Tanah Melayu pada akhir abad ke-18 Masihi, undang-undang yang berjalan di negara ini ialah undang-undang Islam yang bercampur dengan adat Melayu. Tetapi pihak penjajah kemudiannya telah memisahkan agama daripada hal-hal pentadbiran kerana sudah menjadi dasar penjajah meletakkan segala urusan keagamaan dan adat di bawah kuasa raja-raja Melayu dan segala masalah bersabit dengan pemerintahan di bawah kuasa mereka.

Walaupun perundangan Islam dapat berjalan di negeri-negeri di Tanah Melayu tetapi tiada sebuah negeri tersebut mempunyai perlembagaan Islam yang bertulis. Hanya pada abad ke-20 Masihi, Johor telah muncul sebagai satu-satunya negeri yang mula merintis jalan ke arah tersebut dengan menguatkuasakan sebuah perlembagaan Islam pada tahun 1895 Masihi. Negeri tersebut yang pada waktu itu di bawah pemerintahan Sultan Abu Bakar telah menggubal *Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor 1895* dengan menjadikan Islam sebagai agama negeri.<sup>16</sup> Hal ini kemudiannya

diikuti oleh Terengganu yang menggubal *Undang-undang Tubuhnya* pada tahun 1911 Masihi.<sup>17</sup>

Walaupun majoriti masyarakat Islam di Tanah Melayu bermazhab Syafie, tetapi pengaruh mazhab Hanafi dapat hidup bebas di negara ini. Ini kerana mazhab Hanafi juga termasuk dalam golongan aliran Sunni. Hal ini dibuktikan oleh Johor pada tahun 1913 Masihi, apabila Sultan Ibrahim memperkenalkan *Majalah Ahkam Johor* sebagai undang-undang mal Islam. Ia diambil daripada *Majallah al Ahkam al Adliyah* yang dilaksanakan di Turki di bawah Kerajaan Othmani- ah pada tahun 1869 Masihi.<sup>18</sup>

**Nota Kaki**

1. Nama sebenar beliau ialah Muhammad bin Idris al- Syafie.
2. Muhammad Abu Zahrah, *Tarikh al-Mazahib al-Islamiah*, Darul-Fikr al-Arabi, tanpa tarikh, hal. 482.
3. Marco Polo, *The Travels of Marco Polo*, London (terjemahan) Aldo Ricci, hal. 282.
4. Ibnu Batutah (Arab), *Rehlah Ibn Batutah*, Beirut 1960, hal. 618. Lihat juga H.A.R Gibb (terjemahan) *Ibn Batutah Travel in Asia and Africa*, New York, 1929, hal. 274.
5. Ibid.
6. R.O.Winstedt, *Malaya Histories*, dalam *JMBRAS* vol. XXX1, Part 3, 1958, hal. 127.
7. Ibid.
8. W.G. Shallabear, *Sejarah Melayu*, The Malayan Publishing House Ltd., Singapura, 1950, hal. 115.
9. Zainal Abidin Abdul Wahid, *Sejarah Malaysia Sepintas Lalu*, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1985, hal. 25.
10. M.B.Hooker (ed), *The Lawf South East Asia*, vol. 1, The Pre-Modern Texts, Butterworth & Co. (Asia) Pte. Ltd. 1988, hal. 376. Lihat juga Liaw Yock Fang, *Undang- undang Melaka*, The Hague, 1976, hal. 1.
11. R.O.Winstedt, *Muslim Teology, Jurisprudence and History*, dalam *JMBRAS* vol. 1, Part 3, 1958, hal. 119.
12. Ibid, hal. 121.
13. Ibid, hal. 125.
14. Ibid, hal. 126
15. Abdul Halim Muhammady, *Sumbangan Institusi Pengajian Tinggi Islam Ke Arah Pelaksanaan Undang-Undang Islam di Malaysia*, Seminar Syariah, Universiti Malaya, 1987, hal. 7. Lihat juga Hooker, *Readings in Malay Adat Laws*,Singapore University Press, 1970, hal. 93.
16. Undang-undang Tubuh Kerajaan-Johor 1895, Fasal 57. Lihat juga Buyong Adil, *Sejarah Johor*, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1980, hal. 288.
17. *Law of The Constitutionn of Terengganu*, 1911 *Malayan Constitutional Documents* No.2

18. Majallah Ahkam Johor, Kerajaan Johor, Muar, 1331H.